

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : **LISAN**
- DARIPADA** : **DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI]**
- TARIKH** : **21 MEI 2015 (KHAMIS)**
- SOALAN** : **Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah subsidi yang diterima Kementerian serta pecahan agihan subsidi berkenaan dan mekanisme yang digunakan bagi memastikan subsidi berkenaan sampai kepada penerima.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah memperuntukan sejumlah peruntukan yang besar setiap tahun bagi memberi subsidi dan bantuan kepada sektor pertanian terutamanya subsektor padi dan perikanan. Terdapat sepuluh (10) jenis bantuan dalam bentuk subsidi dan insentif yang diberikan kepada subsektor padi dan perikanan iaitu:

Sub-sektor Padi

- (i) Insentif Pengeluaran Benih Padi Sah (IBPS);
- (ii) Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP);
- (iii) Insentif Pengeluaran Padi (IPP);
- (iv) Subsidi Harga Padi;

- (v) Insentif Peningkatan Hasil (IPPH);
- (vi) Subsidi Harga Beras (ST15%);
- (vii) Subsidi Baja dan Racun bagi Penanaman Padi Huma/Bukit,
Subsidi Harga Padi (SSHP);

Sub-sektor perikanan

- (viii) Subsidi Diesel dan Petrol;
- (ix) Elaun Sara Hidup; dan
- (x) Insentif Hasil Tangkapan.

Peruntukan bagi setiap subsidi adalah seperti berikut:

Bil	Subsidi Insentif	Peruntukan 2014 (RM)	Peruntukan 2015 (RM)
Sub-sektor Padi			
1.	Insentif Pengeluaran Benih Padi Sah	85 juta	85 juta
2.	Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan	465 juta	465 juta
3.	Insentif Pengeluaran Padi	563 juta	563 juta
4.	Subsidi Harga Padi	480 juta	480
5.	Insentif Peningkatan Hasil	80	20
6.	Subsidi Harga Beras (ST15%)	528	528
7.	Subsidi Baja dan Racun bagi Penanaman Padi Huma/Bukit	-	70
Jumlah		2.201 bilion	2.211 bilion

Sub-sektor Perikanan			
8.	Subsidi Diesel dan Petrol	1.237 bilion	100 juta liter sebulan *Kadar harga super subsidi petrol dan subsidi diesel adalah berubah mengikut kelulusan Kementerian Kewangan Malaysia.
9.	Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN)	132 juta	132 juta
10.	Insentif Hasil Tangkapan	240.5 juta	240.5 juta
Jumlah		1.609 bilion	1.609 bilion*
JUMLAH		3.81 bilion	3.82 bilion

*Dengan anggaran nilai subsidi diesel dan petrol adalah sama seperti tahun 2014 iaitu RM1.237 bilion.

Bagi memastikan bantuan tersebut sampai kepada penerima, ia melibatkan peranan daripada pelbagai pihak. Selain daripada pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebagai pemegang dasar, pelbagai agensi telah dilantik sebagai agensi pelaksana kepada bantuan-bantuan yang diberikan ini. Agensi ini berperanan dan bertanggungjawab secara langsung bagi menguruskan bantuan-bantuan yang diberikan ini di samping memberikan sokongan dalam pelaksanaan bagi memantapkan lagi pengurusan pemberian bantuan tersebut. Mekanisme pemantauan dan pelaksanaan seperti penubuhan jawatankuasa yang terlibat, *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi pelaksanaan, laporan berkala, saluran aduan adalah di antara mekanisme yang diperkenalkan oleh Kerajaan bagi memastikan bantuan yang diberikan sampai kepada golongan sasaran.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 21 MEI 2015
[KHAMIS]**

**DARIPADA : Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]**

SOALAN :-

Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk meminda undang-undang supaya memanjangkan jangkamasa waranti pihak pemaju perumahan selepas penyerahan rumah kepada pemilik untuk menangani masalah/defek/kecacatan yang timbul selepas 3 tahun menduduki rumah mereka.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak mempunyai cadangan untuk memanjangkan tempoh *Defect Liability Period* (DLP) pihak pemaju perumahan kepada 3 tahun. Setakat ini, DLP yang sedang berkuatkuasa adalah selama 24 bulan.

Sebarang lanjutan tempoh masa dijangka akan membebaskan pemaju dari segi kos operasi dan tanggungan yang akhirnya akan dipindahkan oleh pemaju ke atas pembeli dan sekaligus mempengaruhi harga jualan rumah.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2015